



LAPORAN TAHUNAN

2022

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak Kementerian Sumber Manusia





LAPORAN TAHUNAN

2022

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara



ISSN : 2231-8577

@ Hak Cipta Terpelihara 2022

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh disiarkan dalam apa-apa cara atau kaedah sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau lain-lain kaedah sebelum mendapatkan kebenaran bertulis daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

Diterbitkan oleh:

**Bahagian Penyelidikan Dan Maklumat
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Kementerian Sumber Manusia**

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, 93532 Kuching, Sarawak

Telefon: 082-242 261

Telekerja: 082-242 050

Faks: 082-244 909, 082-237 051

Emel: jtknsarawak@mohr.gov.my

Laman Web: <http://www.jtkswk.gov.my>

Rekaan dan Cetakan oleh :

Heng Sing Brothers Press

No. 37, Lot 75, Section 63, 1st Floor, Jalan Chan Bee Kiew, 93450 Kuching, Sarawak.

Tel: 082-336 868 Faks: 082-339 539



5

Kata Alu-aluan Pengarah

6

Pengenalan Korporat Jabatan

7

Pengurusan Tertinggi

8

Carta Organisasi

9

Ketua-ketua Pejabat Tenaga Kerja di Seluruh Sarawak

11

Visi, Misi dan Objektif

12

Piagam Pelanggan

15

Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Jabatan

18

Ringkasan Undang-undang Yang Dikuatkuasakan di Sarawak

24

Penguatkuasaan Undang-Undang dan Senario Perburuhan

27

Statistik Indikator Perburuhan Tahun 2022

36

Galeri Peristiwa Sepanjang Tahun 2022

62

Lokasi dan Alamat Pejabat Tenaga Kerja di Sarawak

63

Sidang Editorial Laporan Tahunan 2022

The background features a complex design. On the left, there is a repeating geometric pattern in a light blue color. The center of the image is dominated by a large, rectangular area filled with a halftone dot pattern, where the dots are more densely packed in the center and become sparser towards the edges. On the right side, there is a network of thin, light blue lines forming a web-like structure. The overall color palette is various shades of blue, ranging from very light to a deep, saturated blue.

KATA ALU-ALUAN PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK

Kata Alu-aluan Pengarah



Assalamualaikum wbt, Salam sejahtera.

Saya ingin menzahirkan rasa gembira bahawa Laporan Tahunan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak 2022 ini telah dapat dihasilkan dengan baik sekali. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Ketua Editor dan Sidang Editorial yang telah berusaha gigih bagi menjayakan penerbitan laporan ini.

Laporan Tahunan ini merupakan salah satu medium untuk merakamkan semua kejayaan jabatan yang dicapai sepanjang tahun 2022 bagi program dan aktiviti utama untuk tatapan umum pada masa ini dan juga masa hadapan.

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak) secara keseluruhannya telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan untuk hampir semua program dan aktiviti utamanya seperti yang dirancang dalam tahun 2022.

Ini semua bagi saya, merupakan hasil kerjasama sebagai satu pasukan dan komitmen tinggi terhadap tugas yang telah ditunjukkan oleh semua pegawai dan staf JTK Sarawak. Mustahil sesuatu sasaran dapat dicapai tanpa kerjasama sebagai satu pasukan dan komitmen yang tinggi. Budaya kerja berpasukan memang merupakan kata-kata ideal dalam bidang pengurusan. Kesemua Pejabat Tenaga Kerja telah berganding bahu untuk menghasilkan pencapaian yang terbaik sepanjang tahun 2022 ini.

Tahniah juga saya ucapkan kepada semua warga kerja Jabatan ini atas pencapaian pada tahun 2022. Semoga kita semua akan terus berusaha untuk memartabatkan perkhidmatan awam.

Setinggi-tinggi terima kasih juga saya rakamkan kepada semua pegawai dan staf JTK Sarawak yang sentiasa memberi komitmen tertinggi serta menyumbangkan tenaga dalam menyokong pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dan jabatan ini seperti yang telah dirancang.

Teruskanlah berusaha memberikan perkhidmatan yang cekap, cemerlang dan sentiasa berada di tahap terbaik demi manfaat rakyat dan negara.


Selamat menjalankan tugas dengan penuh berintegriti.

AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR
Pengarah Tenaga Kerja Sarawak




PENGENALAN KORPORAT JABATAN

Pengurusan Tertinggi



Carta Organisasi

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



The background features a complex design. On the left, there is a dark blue area with a network of thin, light blue lines forming a web-like pattern. The rest of the background is a light blue color with a repeating, stylized Islamic geometric pattern. A horizontal band of white dots, resembling a halftone effect, runs across the middle of the page, behind the text.

**KETUA-KETUA
PEJABAT TENAGA KERJA DI
SELURUH SARAWAK**

Ketua-ketua Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sarawak

**Encik Barnabas anak
Ahjam**

Ketua PTK Kuching



**Encik Rhymie bin Mohd
Ramli**

Ketua PTK Miri



**Encik Mohd Rosandy bin
Md. Ruslim**

Ketua PTK Sibul



**Encik Anthony Lawai
Lutang**

Ketua PTK Bintulu



**Encik Ismail bin
Mohammad**

Ketua PTK Samarahan



**Encik Frederick Sait anak
Numpang**

Ketua PTK Serian



**Puan Aida Fadzilla binti
Yusuf**

Ketua PTK Sri Aman



**Encik Edward Jekim anak
Diot**

Ketua PTK Sarikei



**Puan Angela
anak Hendry Bana**

Ketua PTK Limbang



**Encik Mac Gyver anak
Majang**

Ketua PTK Kapit



**Encik Anand anak
Asvester Ujan**

Ketua PTK Betong



Encik Mustapha bin Jobeli

Ketua PTK Saratok



**Puan Zaynullita binti
Drahman Bujang**

Ketua PTK Mukah



**Encik Alexander Albert
Rayang**

Ketua PTK Marudi



**Encik Edwin Eddy anak
Eddy**

Ketua PTK Bakun



**Encik Nordin bin Mohd.
Salleh**

Ketua PTK Lawas



Visi, Misi dan Objektif

VISI

Peneraju standard piawaian pengurusan perburuhan dan penguatkuasaan perundangan perburuhan negara.

MISI

Memperkasakan sistem pengurusan perburuhan dan penguatkuasaan perundangan perburuhan bagi memastikan hak asasi dan kepentingan masyarakat industri dijamin terpelihara.

OBJEKTIF

- Memelihara hak dan tahap kebajikan warga pekerja serta memajukan kepentingan pihak majikan dengan saranan pematuhan standard undang-undang perburuhan;
- Menggalakkan suasana perburuhan yang kondusif di antara warga pekerja dan pihak majikan bagi menjamin kesejahteraan sosio-ekonomi negara;
- Memperkasakan sistem pengurusan perburuhan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Jabatan; dan
- Memampakan daya saing sektor ekonomi dan masyarakat industri untuk menghadapi cabaran masa hadapan dan era teknologi terbaru.

Piagam Pelanggan

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak berjanji untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi memenuhi keperluan pelanggannya seperti berikut:

Petunjuk Prestasi



Aduan Buruh

Aduan Buruh akan disiasat dan keputusan akan dimaklumkan dalam tempoh **30 hari** dari tarikh aduan diterima.



Tuntutan Buruh

Tuntutan Buruh akan didengar / dibicarakan dan diberi perintah dalam tempoh **60 hari** dari tarikh tuntutan diterima.



Lesen untuk Menggaji Pekerja Bukan Pemastautin

- (a) Mengeluarkan keputusan bagi permohonan **Surat Kelulusan Secara Dasar (AP)** dalam tempoh **5 hari** dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Lokalisasi.
- (b) **Lesen Baru** di bawah AP dan Gantian akan dikeluarkan dalam tempoh **7 hari** dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- (c) Mengeluarkan keputusan bagi permohonan **Lesen Pembaharuan** dalam tempoh **10 hari** dari tarikh permohonan lengkap diterima.



Permit Perburuhan

Semua permohonan akan diberi keputusan dalam tempoh **28 hari** dari tarikh permohonan lengkap diterima.



Permohonan untuk Lesen Agensi Pekerjaan Swasta

Semua permohonan diproses dan keputusan dikeluarkan dalam tempoh **28 hari** dari tarikh permohonan lengkap diterima.



Aduan Awam

Maklumbalas berkaitan aduan awam akan diberi dalam tempoh **3 hari** bekerja dari tarikh penerimaan aduan.

The background of the page is a complex composition of patterns. On the left side, there is a dark blue area with a network of thin, light blue lines forming a web-like geometric pattern. The rest of the page is covered by a repeating Islamic geometric pattern in a light blue color. The pattern consists of interlocking stars and polygons, creating a symmetrical and intricate design. The overall color palette is dominated by various shades of blue, from dark to light, with white text.

PENGURUSAN KUALITI PERKHIDMATAN JABATAN



Membudayakan Kualiti dalam Organisasi

Jabatan sentiasa memberikan keutamaan kepada aspek kualiti dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan dan perkhidmatan yang diberikan. Pihak pengurusan Jabatan memberikan perhatian serius bagi memastikan semua warga Jabatan sentiasa memberikan sepenuh komitmen dalam menerapkan budaya kualiti dalam Jabatan.

Tinjauan Kepuasan Pelanggan

Jabatan sentiasa mengambil tinjauan kepuasan pelanggan secara rambang di kesemua Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sarawak untuk mengenal pasti isu-isu yang menyebabkan tahap perkhidmatan Jabatan terjejas. Melalui tinjauan berkenaan, Jabatan dapat membuat tindakan ratifikasi dengan cepat dan berkesan ke atas isu-isu yang berbangkit.

Dasar Kualiti dan Kaedah Sebarannya

Jabatan menekankan penyampaian perkhidmatan yang bermutu tinggi sebagai dasar kualiti. Aspirasi ini disebarkan kepada semua warga Jabatan melalui edaran poster, paparan dan juga taklimat. Selain itu, penggunaan mel elektronik merupakan salah satu kaedah yang berkesan dan menjimatkan masa dan kos. Pewujudan Laman Web Rasmi Jabatan juga memainkan peranan dalam menyebarkan perkhidmatan kepada orang ramai terutama para pelanggan Jabatan. Laman web ini dikemas kini sekerap mungkin bagi memastikan maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan relevan.

Penerapan Budaya Kualiti

Untuk menerapkan budaya kualiti dalam Organisasi ini, pihak pengurusan Jabatan telah mengambil langkah-langkah dengan mewujudkan dan melaksanakan perkara seperti berikut:

(i) Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah satu mekanisme pengukuran prestasi di setiap Pejabat Tenaga Kerja. Untuk tujuan pemantauan oleh pihak pengurusan, setiap pejabat perlu mengemukakan laporan prestasi bulanan.

(ii) Piagam Pelanggan

- Piagam Pelanggan dipamerkan di pejabat bertujuan untuk memastikan pelanggan mengetahui komitmen Jabatan bagi perkhidmatan yang diberikan.

Pengauditan dan Pemantauan

Sebagai satu langkah kawalan untuk memastikan bahawa sistem pengurusan Jabatan adalah berdasarkan pekeliling dan arahan semasa, proses pengauditan dan pemantauan ke atas pengurusan organisasi dijalankan melalui audit kewangan dan pengurusan oleh MAMPU, Jabatan Audit Negara, Audit Dalaman Kementerian Sumber Manusia.

Selain daripada itu, pelbagai Jawatankuasa sebagai contoh, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Mesyuarat Pengurusan Aset Alih Kerajaan Peringkat Jabatan serta Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus dan Penambahbaikan ditubuhkan sebagai langkah untuk memastikan pentadbiran yang berkualiti.

Pengiktirafan

Jabatan memberikan pengiktirafan dalam bentuk Sijil Penghargaan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan pencalonan untuk penganugerahan Darjah dan Pingat Kebesaran kepada warga kerja yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang.



**RINGKASAN
UNDANG-UNDANG
DIKUATKUASAKAN
DI SARAWAK**


Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76)

Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) yang dikuatkuasakan sejak 1952 telah dipinda pada Disember 2004 dan diwartakan pada 10.02.2005. Ordinan ini menetapkan standard minimum terma-terma dan syarat-syarat penggajian bagi pekerja-pekerja di sektor swasta.

Antara lain objektifnya ialah:-

- Menetapkan faedah minimum untuk pekerja;
- Menetapkan terma-terma dan syarat-syarat penggajian untuk pekerja di sektor swasta;
- Mengenakan obligasi terhadap majikan tentang hak-hak pekerja; dan
- Memberikan kuasa penguatkuasaan kepada pegawai-pegawai terhadap pesalah untuk memastikan pematuhan undang-undang.

Ordinan ini terpakai kepada sesiapa yang termasuk dalam definisi "majikan" dan "pekerja" di Sarawak seperti yang ditakrifkan dalam Ordinan berkaitan.



**LABOUR ORDINANCE
(SARAWAK CAP. 76)**

Amended as at 10th February 2005
By Act A 1237

Ordinan Cuti Mingguan (Sarawak Bab 79)

Ordinan ini menyediakan cuti mingguan kepada mereka yang digaji di kedai, restoran dan pawagam. Ordinan ini terpakai di semua kawasan atau lokaliti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama iaitu Kawasan Perbandaran Kuching, kawasan tempatan Majlis Daerah Bandar Sibu, kawasan tempatan Majlis Daerah Miri, semua kawasan Bandar yang terletak di kawasan tempatan Majlis Daerah Sarikei, semua kawasan Bandar yang terletak di kawasan tempatan Majlis Daerah Bintang (Bintangor), kawasan yang ditetapkan dalam Jadual Majlis Perbandaran Simanggang (Sri Aman) dan kawasan perbandaran Saratok. Ordinan ini memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang digaji selain daripada dalam kapasiti sulit atau dalam posisi pengurusan, dalam mana-mana kedai, restoran atau pawagam adalah dibenarkan untuk cuti satu hari dalam satu minggu. Ordinan ini memperuntukkan bahawa tiada potongan atau pengurangan boleh dibuat daripada gaji pada hari yang premisnya ditutup ataupun pada hari seorang-seorang itu dibenarkan bercuti. Seseorang pemeriksa boleh, mengikut had yang dia dilantik dibenarkan memasuki dan berada di premis berkenaan untuk membuat pemeriksaan terhadap apa-apa rekod, daftar atau notis yang ada disimpan.

Akta Maklumat Pekerjaan 1953 (Disemak 1975)

Akta ini memudahkan pengumpulan maklumat berkaitan terma-terma dan syarat-syarat penggajian. Pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta ini boleh menghendaki para majikan untuk memberi keterangan tertentu berkenaan bilangan pekerja yang digaji, terma-terma kontrak, waktu bekerja, cuti umum, cuti rehat, tempoh rehat, jenis tugas yang dilaksanakan, struktur gaji dan kelayakan yang diperlukan bagi tiap-tiap jawatan. Mana-mana majikan yang gagal memberi kenyataan bertulis kepada pegawai yang diberi kuasa boleh, jika didapati bersalah, dikenakan denda sebanyak dua ribu ringgit dan sebagai tambahan denda sebanyak seratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.



Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981

Akta ini adalah bertujuan untuk mengawal Agensi-agensi Pekerjaan Swasta di Malaysia. Akta ini memperuntukkan bahawa mana-mana agensi yang ingin menjalankan aktiviti merekrut hendaklah mendapatkan lesen daripada Pengarah Tenaga Kerja. Akta ini telah dipinda dan berkuatkuasa pada 1 Februari 2018. Kategori lesen di bawah Akta ini adalah seperti berikut:

Lesen A (untuk penempatan pekerjaan di dalam Malaysia)	
Modal Berbayar	RM 50,000
Wang Jaminan	RM 5,000
Lesen B (untuk penempatan pekerjaan di dalam dan di luar Malaysia serta pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia)	
Modal Berbayar	RM 100,000
Wang Jaminan	RM 100,000
Lesen C (untuk penempatan pekerjaan di dalam dan di luar Malaysia serta pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia)	
Modal Berbayar	RM 250,000
Wang Jaminan	RM 250,000

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981

AKTA 246

Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 Peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Pendaftaran Buruh), 1960

Peraturan ini terpakai di kawasan keselamatan yang diisytiharkan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Semua pemilik industri seperti yang ditetapkan di dalam Jadual di bawah Peraturan ini adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pekerjaannya memiliki kad pengenalan diri. Mereka juga bertanggungjawab untuk menyimpan daftar pekerja yang mengandungi butir-butir berkenaan pekerja yang digaji di premis pekerjaan mereka. Setiap pemilik industri seperti yang ditetapkan di dalam Jadual di bawah Peraturan ini dan setiap kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Jabatan Tenaga Kerja segala butir mengenai nama dan alamat tuan punya atau kontraktor, lokasi sebenar di mana kerja-kerja dilaksanakan, jenis kerja yang akan dilaksanakan, tarikh mula dan tarikh dijangka tamat atau siap. Mana-mana pegawai Jabatan Tenaga Kerja adalah diberi kuasa untuk memasuki mana-mana premis industri seperti yang ditetapkan di dalam Jadual di bawah Peraturan ini serta memeriksa daftar pekerja mereka.

Akta Anti-pemerdagangan Orang dan Anti-penyeludupan Migran (Pindaan) 2010 [Akta 670]

Akta ini telah diluluskan pada tahun 2007 sebagai Akta Anti-pemerdagangan Orang 2007 [Akta 670] dan telah berkuatkuasa mulai 28.02.2008. Tujuan utama Akta ini diwujudkan adalah untuk membasmi masalah pemerdagangan orang melibatkan warganegara dan bukan warganegara secara holistik. Akta ini merangkumi 3 aspek: pendakwaan, pencegahan dan perlindungan mangsa. Pada tahun 2010, Akta ini dipinda menjadi Akta Anti-pemerdagangan Orang dan Anti-penyeludupan Migran 2007 (Pindaan) 2010. Melalui pindaan tersebut, Pegawai Tenaga Kerja telah diwartakan sebagai Pegawai Penguatkuasa (Seksyen 27) di bawah Akta ini.

Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011

Tujuan utama Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) ialah bagi menubuhkan Majlis Perundingan Gaji Negara berdasarkan prinsip "tripartite" melalui perwakilan-perwakilan majikan, pekerja dan Kerajaan. Majlis ini merupakan platform utama dalam penetapan gaji, termasuk menentukan kadar dan mekanisme pelaksanaan gaji minimum di negara ini. Dalam hal ini, Majlis bertanggungjawab untuk menjalankan kajian tentang semua perkara yang berkenaan dengan gaji minimum dan seterusnya mengemukakan syor kepada Kerajaan dalam membuat perintah gaji minimum dan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan.

Sehingga hari ini, beberapa perintah gaji minimum telah dikeluarkan di bawah seksyen 23 Akta 732 ini. Perintah gaji minimum yang dikeluarkan dari tahun 2012 hingga 2018 telah menetapkan gaji minimum yang sama di seluruh Malaysia. Pada tahun 2020, perintah gaji minimum yang baharu telah menetapkan kadar gaji minimum mengikut kawasan bandar dan luar bandar. Menurut Perintah Gaji Minimum 2020, seseorang pekerja yang bekerja di suatu tempat kerja dalam mana-mana kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran hendaklah dibayar kadar gaji minimum seperti berikut:



Seseorang pekerja yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji ikut kerja, berat atau tan dan sebagainya, kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja itu hendaklah tidak kurang daripada RM1,200.00.

Bagi seseorang pekerja yang bekerja di suatu tempat kerja dalam mana-mana kawasan selain kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran, kadar gaji minimum adalah seperti berikut:



Seseorang pekerja yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji ikut kerja, berat atau tan sebagainya, kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja itu hendaklah tidak kurang daripada RM1,100.00.

Perintah Gaji Minimum 2020 telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 2020. Majlis akan mengkaji semula perintah gaji minimum sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua tahun.



Perintah Gaji Minimum 2022 yang terbaharu pada kadar RM1,500 sebulan sepertimana gambar rajah di atas berkuatkuasa pada 1 Julai 2023.



Akta Umur Persaraan Minimum 2012

Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah diwartakan pada 16 Ogos 2012. Akta tersebut menetapkan umur persaraan minimum bagi seseorang pekerja ialah apabila mencapai umur 60 tahun. Majikan yang melakukan kesalahan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM10,000.

Akta tersebut adalah terpakai kepada semua pekerja kecuali mereka yang ditetapkan di bawah Jadual seperti berikut:

Jadual (Seksyen 2)



Pekerja Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan;



Pekerja dalam tempoh percubaan;



Perantis;



Pekerja bukan warganegara;



Pekhidmat domestik;



Pekerja separa masa;




Pelajar di bawah kontrak sementara (tidak termasuk mereka yang bekerja tetapi diberi cuti belajar sepenuh atau separuh masa);



Pekerja dalam kontrak perkhidmatan bertempoh tetap yang tidak melebihi 24 bulan; dan



Pekerja yang telah bersara sebelum 1 Julai 2013 yang bekerja semula.

The background features a complex design. On the left, there is a dark blue area with a network of thin, light blue lines forming a web-like pattern. The rest of the background is a light blue color with a repeating geometric pattern of stylized, interlocking shapes. In the center, there is a large, faint circle composed of many small dots, creating a halftone effect.

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DAN SENARIO PERBURUHAN

Statistik Indikator Perburuhan (Tahun 2022): Tempat Pekerjaan

KEDUDUKAN 5 TERATAS



JUMLAH TEMPAT PEKERJAAN | 95,641

Pada tahun 2022, pertumbuhan tempat pekerjaan adalah lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2021, kadar pertumbuhan ialah 6.4% berbanding pada tahun 2022 yang mencatat 5.6%. Sektor Perdagangan Borong & Runcit masih mengekalkan kedudukan tertinggi sebagai tempat pekerjaan paling banyak di seluruh Sarawak, khususnya di semua bandar-bandar utama seperti Kuching, Miri, Sibu dan Bintulu. Manakala, kedudukan kedua dan ketiga, masing-masing didominasi oleh sektor Penginapan & Perkhidmatan Makan Minum dan Pembinaan.

Jadual 1.0: Bilangan Tempat Pekerjaan Mengikut Sektor Ekonomi bagi tempoh 2018 hingga 2022

JENIS SEKTOR / INDUSTRI	RANKING	Ratio (%)	2018	2019	2020	2021	2022
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	5	7.3%	5,936	6,230	6,404	6,663	7,028
Perlombongan dan Pengkuarian	16	0.7%	466	512	548	598	634
Pembuatan	4	8.3%	6,587	6,944	7,236	7,626	7,915
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	20	0.2%	136	154	160	171	176
Bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	19	0.2%	152	164	181	200	216
Pembinaan	3	9.6%	6,516	7,134	7,776	8,554	9,222
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1	33.3%	26,027	27,362	28,774	30,396	31,878
Pengangkutan dan Penyimpanan	9	4.1%	2,994	3,234	3,431	3,656	3,926
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	2	10.8%	7,505	8,157	8,914	9,637	10,330
Maklumat dan komunikasi	14	0.9%	655	693	753	815	839
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	11	2.1%	1,699	1,782	1,868	1,951	2,012
Aktiviti hartanah	17	0.6%	449	485	546	568	584
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	10	2.5%	1,815	1,912	2,072	2,244	2,399
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	7	4.8%	3,064	3,525	3,890	4,166	4,638
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	8	4.7%	4,085	4,210	4,264	4,348	4,500
Pendidikan	12	1.5%	1,183	1,288	1,366	1,418	1,448
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	13	1.2%	895	984	1,040	1,101	1,158
Kesenian, hiburan dan rekreasi	15	0.7%	519	557	598	625	653
Aktiviti perkhidmatan lain	6	6.0%	3,541	4,438	4,965	5,465	5,711
Aktiviti isi rumah sebagai majikan; aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	18	0.4%	359	359	362	367	369
Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	21	0.005%	4	4	5	5	5
JUMLAH BESAR			74,587	80,128	85,153	90,574	95,641
Y2Y Growth (%) ►			4.8%	7.4%	6.3%	6.4%	5.6%

Berdasarkan komposisi sektor ekonomi di Jadual 1.0, ia menunjukkan sebahagian besar, iaitu 70% daripada sektor ekonomi dan pekerjaan di seluruh Sarawak adalah tertumpu dalam kategori berpendapatan rendah dan sederhana. Trend ini akan masih berterusan untuk tahun-tahun yang akan mendatang, khususnya sektor pembinaan dan penginapan & perkhidmatan makan minum.

Sepanjang tempoh 5 tahun (2018 – 2022), pertumbuhan pesat dikesan pada tahun 2019, iaitu sebelum era pandemik COVID-19. Kadar pertumbuhan tempat pekerjaan pada tahun 2019 ialah pada 7.4%. Tetapi, kadar pertumbuhan tempat pekerjaan menyusut kepada 6.3% pada tahun 2020. Ini adalah berikutan kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pandemik COVID-19 yang menular di seluruh dunia. Banyak tempat pekerjaan telah ditutup sementara dan ada juga terus tutup operasi menyebabkan ramai pekerja hilang pekerjaan. Kesan tersebut berlanjutan sehingga tahun 2022, di mana kadar pertumbuhan tempat pekerjaan masih rendah dan menyusut kepada 5.6% berbanding tahun-tahun sebelumnya.


**STATISTIK
INDIKATOR PERBURUHAN
TAHUN 2022**

PELANGGARAN STANDARD PERBURUHAN YANG DIKESAN (TEMPOH JAN. – DIS. 2022)

Bilangan Pemeriksaan Berkanun dan Pelanggaran Standard Perburuhan Dikesan
Mengikut Pejabat Tenaga Kerja Bagi Tahun 2022

5,031 **1,261**

**PEMERIKSAAN
TEMPAT KERJA** **NOTIS
PELANGGARAN**



Bil. Pelanggaran
Dikesan

5,059




Bil. Majikan (M)

4,922

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

JENIS PELANGGARAN STANDARD PERBURUHAN YANG DIKESAN (TEMPOH JAN. – DIS. 2022)



5 PELANGGARAN TERTINGGI:

- 1 Daftar Pekerja
- 2 Tiada Kontrak Pekerjaan
- 3 Pemberian Penyata Gaji
- 4 Bayaran Kerja Cuti Kelepasan Am
- 5 Bayaran Kerja Lebih mas

* Jenis Pelanggaran

– 11 jenis pelanggaran yang seringkali dikesan di tempat pekerjaan semasa pemeriksaan berkanun.

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Bil. Pelanggaran
Dikesan

5,059

JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK





TREN PELANGGARAN STANDARD PERBURUHAN YANG DIKESAN (DARI TAHUN 2018 - 2022)




JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



ADUAN BURUH (TEMPOH JAN. – DIS 2022)

Bilangan Aduan Buruh Dikendalikan Mengikut Pejabat Tenaga Kerja Bagi Tahun 2022



85%

SELESAI

634

KES ADUAN

▶ 428 MAJIKAN

▶ 507 PEKERJA TEMPATAN

▶ 9 PEKERJA ASING




JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

JENIS ADUAN BURUH DIKENDALIKAN (TEMPOH JAN. – DIS 2022)

JENIS ADUAN BURUH DIKENDALIKAN MENGIKUT PERATUSAN



634
Jumlah Kes

**3 JENIS ADUAN
TERTINGGI:**

1 Pelbagai Isu Pekerjaan

2 Lewat Bayar Gaji

3 Bayaran Upah
Di Bawah Paras Minima

*Isu Pekerjaan

- kebanyakan isu yang berkaitan dengan budibicara majikan, pengurusan pekerja, perhubungan di tempat kerja, kebajikan ahli keluarga, SOP berkaitan COVID- 19 dan sebagainya, yang mana ianya di luar bidang Jabatan

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

TREN ADUAN BURUH DI SARAWAK (TEMPOH 2018 – 2022)

BILANGAN ADUAN BURUH DIKENDALIKAN BAGI TAHUN 2018 – 2022



Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

PENGENDALIAN KES TUNTUTAN BURUH (BAGI TEMPOH JAN. – DIS. 2022)

BILANGAN KES TUNTUTAN BURUH YANG DIKENDALIKAN
MENGIKUT PEJABAT TENAGA KERJA PADA TAHUN 2022

RM2.48juta

PERINTAH
MAHKAMAH BURUH

99%

SELESAI

▶ 978 MAJIKAN

▶ 1038 PEKERJA



JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

TREN PENGENDALIAN KES TUNTUTAN BURUH (BAGI TEMPOH 2018 – 2022)





TREN PENDAKWAAN DAN KOMPAUN (BAGI TEMPOH JAN. – DIS. 2022)

	2020	2021	2022	TAHUN
BIL. KES PENDAKWAAN (KES SELESAI)	61	47	22	
AMAUN DIBAYAR (RM):	RM123,900	RM67,800	RM40,200	
BIL. KES KOMPAUN (KES SELESAI):	300	521	85	
AMAUN DIBAYAR (RM):	RM453,000	RM771,000	RM127,500	
JUMLAH KERTAS SIASATAN DIBUKA;	249	314	188	

751
KERTAS SIASATAN
DIBUKA (2020 – 2022)

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK



473

PROGRAM PENDIDIKAN
PERBURUHAN

5,682

ORANG TERLIBAT

PENDIDIKAN PERBURUHAN

Program pendidikan perburuhan yang dijalankan adalah berbentuk ceramah kesedaran, sesi dialog bersama industri, pameran, wawancara dalam radio, tv dan juga siaran langsung melalui sosial media Facebook.

Bilangan Permohonan AP (Approval in Principle) Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Bagi Tempoh Januari – Disember 2022

Bilangan Permohonan AP Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Mengikut Pejabat Tenaga Kerja Bagi Tahun 2022



2,529

Bil. Permohonan

72,113

Bil. Pekerja Bukan Pemastautin Disyorkan




JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Bilangan Permohonan Lesen Baru Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Bagi Tempoh Januari – Disember 2022

Bilangan Lesen Baru Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Mengikut Pejabat Tenaga Kerja Bagi Tahun 2022



Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

BIL. PEKERJA
DILESENKAN


27,242

JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK



Permohonan Pembaharuan Lesen Baru Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Bagi Tempoh Januari – Disember 2022

Bilangan Pembaharuan Lesen Penggajian Pekerja bukan Pemastautin
Mengikut Pejabat Tenaga Kerja Bagi Tahun 2022



Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

21,983

BIL. PEKERJA
DILESENKAN

JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

**GALERI PERISTIWA
SEPANJANG
TAHUN 2022**

OPERASI PENGUATKUASAAN OPERASI PEMERIKSAAN MALAM



OPERASI PENGUATKUASAAN OPERASI PEMERIKSAAN KHAS SEKITAR BANDAR KUCHING



KUNJUNGAN MTUC KE JTK SARAWAK



5 NOVEMBER 2022

BENGKEL SARAWAK FOREIGN WORKERS MANAGEMENT SYSTEM



Wakil daripada semua agensi



Wakil daripada JTKSWK dan PERKESO

Wakil daripada semua agensi bersama pihak Syarikat SOCOE Sdn. Bhd.

PROGRAM PENDIDIKAN PERBURUHAN DAN SESI DIALOG BERSAMA INDUSTRI



PROGRAM KESEDARAN HAK PEKERJA & ISU BURUH PAKSA



ISU BURUH PAKSA JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

DEWAN KOMPLEKS SUKAN ASAJAYA,
KOTA SAMARAHAN

05 NOVEMBER 2022 (SABTU)

AKTIVITI

CERAMAH PERBURUHAN
KAUNTER KHIDMAT NASIHAT PERBURUHAN
PENERANGAN HUKUM-UNDANG PERBURUHAN



DEWAN ASAJAYA | 5 NOVEMBER 2022

Anugerah APC

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2021



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah anugerah yang tidak asing lagi bagi warga JTK Sarawak. Ia adalah anugerah yang diberikan kepada warga kerja jabatan bagi menghargai usaha serta komitmen yang diberikan selain mengiktiraf sumbangan atas kualiti dan kuantiti sumbangan warga kerja jabatan yang melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Saban tahun, debaran adalah terasa dalam kalangan warga kerja sewaktu menunggu pengumuman oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia, JTK Sarawak. APC pada tahun 2021, menyenaraikan seramai 22 penerima APC secara keseluruhannya. Majlis APC telah berlangsung di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya pada 2 Ogos 2022 yang disempurnakan oleh YB Menteri Sumber Manusia. Penerima APC telah dianugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan Hadiah Prestasi wang tunai berjumlah RM1,000. Berikut adalah senarai penerima APC bagi tahun 2021 dari JTK Sarawak:

NAMA PENERIMA	JAWATAN/GRED	PEJABAT
Dedua anak Taim @ Tiam	PPP S48	Ibu Pejabat
Wan Ainon Zuhaida binti Wan Abdul Khalid	PPP S48	Ibu Pejabat
Mohamad Shahrudin bin Zaidil	PTD S44	Ibu Pejabat
Frederick Sait anak Numpang	PPP S41	PTK Serian
Lolita anak Codala	PPP S41	Ibu Pejabat
Terry anak Ranggie	PPP S41	PTK Miri
Julinah binti Jamalaldin	PPPP S38	PTK Kuching
Augustin anak Jetie	PPPP S32	PTK Sarikei
Danny Wee Kon Hau	PPPP S29	PTK Miri
Samson Tio	PPPP S29	PTK Marudi

NAMA PENERIMA	JAWATAN/GRED	PEJABAT
Steve anak Alexander Pateh	PPPP S29	PTK Bakun
Siti Nashthasa Hashshikin binti Haron	Penolong Akauntan W29	Ibu Pejabat
Christina Gadung Ganang	PT (Perkeranian/Operasi) N19	PTK Lawas
Margaret Laie anak Jingan	PT (Perkeranian/Operasi) N19	PTK Sri Aman
Abdul Hadi bin Abu Samah	PT (Perkeranian/Operasi) N19	PTK Sibul
Siti Mordiah binti Abu Kasim	PT (Perkeranian/Operasi) N19	Ibu Pejabat
Tina anak Tinin	PT (Perkeranian/Operasi) N19	Ibu Pejabat
Liew Siaw Sze	Jurubahasa LA19	PTK Serian
Ahmad Syauki bin Ali	PPP S19	PTK Kapit
Roslind Dayang anak Bulin	PO N11	PTK Kapit
Jeluing anak Kedayan	Pemandu Kenderaan H11	PTK Betong
Zulkifli anak Ejan	Pemandu Kenderaan H11	PTK Mukah



Sekalung tahniah diucapkan kepada penerima APC tahun 2021. Semoga penghargaan itu dapat menyuntik semangat warga kerja jabatan untuk terus memberikan mutu kerja yang terbaik serta berkualiti untuk meningkatkan lagi taraf perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi.

Pertandingan KIK (2022)

KEJAYAAN JABATAN DALAM PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)



LABOUR GO RURAL AREA PROGRAMME (LABOUR GRAP) 3.0





**KUNJUNGAN PENGARAH LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA (LHDN) PEJABAT SARAWAK KE JTK SARAWAK**



PROGRAM OUTREACH PEMERIKSAAN DI BARIO, SARAWAK



TAKLIMAT PERINTAH GAJI MINIMUM (PGM) 2022 OLEH PTK BINTULU



SESI PERBINCANGAN MENGENAI PENGGAJIAN PEKERJA DOMESTIK DI SARAWAK



TAKLIMAT KEPADA AGENSI PEKERJAAN SWASTA DI SARAWAK



MAJLIS BERBUKA PUASA IBU PEJABAT JTK SARAWAK



MAJLIS SAMBUTAN RAYA GAWAI 2022 IBU PEJABAT JTK SARAWAK



HARI BERTEMU PELANGGAN KSM 2022



PROGRAM KASIH AIDILFITRI TANGGUNGJAWAB SOSIAL & KORPORAT (CSR) PTK KOTA SAMARAHAN





**LAWATAN KERJA PENGARAH JTK SARAWAK KE POS SEMPADAN
MALAYSIA-INDONESIA, TEBEDU, SERIAN**



BENGKEL PEMURNIAN GARIS PANDUAN BERKAITAN AGENSI PEKERJAAN SWASTA (APS)



PROGRAM BULAN PENGUATKUASAAN 2022 JTK SARAWAK



LOKASI & ALAMAT PEJABAT-PEJABAT TENAGA KERJA DI SARAWAK



JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Alamat : Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga, 93532 Kuching,
Sarawak
Telefon : 082 242 261
Faks : 082 244 909, 082 237 051
Emel : jtknsarawak@mohr.gov.my
Laman Web : <http://www.jtkswk.gov.my>

Alamat Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sarawak

Pejabat Tenaga Kerja Kuching



Tingkat 7 & 8, Bangunan KWSP, Jalan Upland,
Peti Surat 375, 93300 Kuching
Tel : 082-247349
Faks : 082-247305
E-mel : jtkbkuching@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Serian



Tingkat Bawah, Lot 1061-1062, Jalan
Alamanda, Serian District Town, 94700 Serian,
Sarawak.
Tel : 082-874840
Faks : 082-875299
E-mel : jtkbserian@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Sibul



Tingkat 3, Wisma Persekutuan Blok 3, Lot 462,
Persiaran Brooke, Peti Surat 431, 96007 Sibul,
Sarawak.
Tel : 084-330700
Faks : 084-317284
E-mel : jtkbsibul@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kapit



Tingkat 2, Wisma Persekutuan, Jalan Kapit By-
Pass, Peti Surat 75, 96807 Kapit, Sarawak.
Tel : 084-796430
Faks : 084-797637
E-mel : jtkbkapit@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Bakun



No. 4, Sungai Asap Commercial Centre,
96950 Belaga, Sarawak.
Tel : 019-8595286
Faks : 086-339457
E-mel : jtkbbakun@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Lawas



Tingkat Bawah 1 & 2, Bangunan Kedai
3 Tingkat, Lot 334, Jalan Trusan,
98850 Lawas, Sarawak.
Tel : 085-285452
Faks : 085-285476
E-mel : jtkblawas@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Marudi



Tingkat 2, Wisma Persekutuan, Jalan Kampung
Cina, Peti Surat 224, 98508 Marudi, Sarawak.
Tel : 085-755963
Faks : 085-756559
E-mel : jtkbmarudi@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Kota Samarahan



Sub Lot No. 33, Lot 4681, Tkt. Bawah 1 & 2, Fasa
17, Blok 1, Desa Ilmu, Sarawak Land District, Jln
Dato' Mohd Musa,
94300 Kota Samarahan, Sarawak
Tel : 082-616073
Faks : 082-616054
E-mel : jtkbsamarahan@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Saratok



Ground Floor, 3 Storey Shophouse, Lot 719,
Saratok Town District, 95400 Saratok, Sarawak
Tel : 083-438603
Faks : 083-438609
E-mel : jtkbsaratok@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Bintulu



Tingkat 2, Bangunan Persekutuan, Batu 2,
Jalan Bintulu/Miri, Peti Surat 418, 97008 Bintulu,
Sarawak.
Tel : 086-332841
Faks : 086-339457
E-mel : jtkbbintulu@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Mukah



Sublot 1215, Block D,
Pasar Baru Fasa 2,
96400 Mukah, Sarawak.
Tel : 084-874179
Faks : 084-874182
E-mel : jtkbmukah@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Sarikei



Tingkat Bawah, Bangunan Persekutuan, Blok 2,
Jalan Bangunan Kerajaan, Peti Surat 509,
96100 Sarikei, Sarawak.
Tel : 084-651242
Faks : 084-654011
E-mel : jtkbsarikei@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Miri



Tingkat 3, Bangunan Persekutuan, Jalan
Gartok, Peti Surat 541, 98007 Miri, Sarawak.
Tel : 085-419949
Faks : 085-417181
E-mel : jtkbmiri@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Limbang



Wisma Persekutuan, Blok A, Tingkat 2, Jalan
Buangsiol, Peti Surat 128, 98700 Limbang, Sarawak.
Tel : 085-211228
Faks : 085-212461
E-mel : jtkblimbang@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Sri Aman



Tkt. Bawah, Bgn. Persekutuan Fasa II, Jalan
Kejatau, 95007 Sri Aman, Sarawak
Tel : 083-322527
Faks : 083-323194
E-mel : jtkbsriaman@mohr.gov.my

Pejabat Tenaga Kerja Betong



Sublot 35 Of Parent Lot 1992, Phase 3, Block 9,
Batu Api Land District, Betong Newtown, 95700 Betong
Tel : 083-420233
Faks : 083-420244
E-mel : jtkbbetong@mohr.gov.my

Sidang Editorial

Laporan Tahunan 2022



Penasihat

Tuan Awang Raduan bin Awang Omar
Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Ketua Editor

Encik Wan Zaifolludean bin Wan Zakaria
Timbalan Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Penyelaras

Encik Ewiim @ Ewiin anak Michael Sinar
Ketua Bahagian, Bahagian Penyelidikan dan Maklumat

Ahli-ahli

Encik Jeffrey Douglas anak William Nagun
Bahagian Penyelidikan dan Maklumat

Encik Mohamad Shahrudin bin Zaidil
Bahagian Khidmat Pengurusan

Puan Robiah binti Omar Baki
Bahagian Standard Perburuhan

Puan Asmah binti Bujang
Bahagian Penguatkuasaan

Puan Emma Yusmaniza binti Helmi
Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin

Puan Lolita anak Codala
Pejabat Pengarah

Urus Setia

Puan Melati anak Ah Nen
Bahagian Penyelidikan dan Maklumat

Puan Kavitha Rajandran
Bahagian Penyelidikan dan Maklumat

Jurufoto

Encik Johan bin Mat
Bahagian Penyelidikan dan Maklumat

Encik Hayden anak Laie
Bahagian Penyelidikan dan Maklumat

Encik Kipli bin Dollah
Bahagian Khidmat Pengurusan

